

**KEDUDUKAN WANG PAMPASAN KEMATIAN PEKERJA
YANG DIANUGERAHKAN OLEH KERAJAAN ATAU
SYARIKAT SWASTA**


Keputusan :

1. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) Negeri Selangor telah membuat keputusan bahawa **wang pampasan** yang diperolehi dari kematian pekerja **tidak dikira sebagai harta pusaka**. Oleh itu, pembahagiannya tidak tertakluk kepada cara pembahagian harta pusaka.
2. Keputusan tersebut adalah berdasarkan hujah-hujah berikut :-

- (a) Dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali ke-21 pada 12 September 1988 telah membincangkan “Kedudukan Ganjaran Terbitan dan Pencen Terbitan Dari Segi Pusaka-Pusaka Dan Pemotongan Hutang-Hutang Kerajaan Daripada Ganjaran Dan Pencen Terbitan” tersebut telah memutuskan seperti berikut :-

Ganjaran Terbitan dan Pencen Terbitan tidak termasuk sebagai harta pusaka. maka kaedah pembahagiannya tidak tertakluk kepada kaedah pembahagian harta pusaka.

- (b) Merujuk kepada keputusan Muzakarah tersebut dapatlah diqiaskan bahawa dalam kes mal wang pampasan kematian pekerja disektor awam atau swasta tidak dikira harta peninggalan si-mati. Ia hanyalah anugerah pihak majikan tersebut kepada kakitangannya setelah meninggal dunia. Oleh yang demikian wang tersebut tidak perlu dibahagi-bahagikan mengikut faraid, kerana ia bukan harta pusaka si-mati.
- (c) Sekiranya si-mati ada meninggalkan harta-harta simpanan di KWSP, insurans yang dibeli semasa hidup, saham-saham dan simpanan di Tabung Haji, maka harta-harta tersebut hendaklah dibahagikan mengikut faraid, kerana ia adalah harta kepunyaan si-mati sendiri semasa hidup dan dianggap pusaka selepas ia mati dan hendaklah dibahagikan kepada waris-warisnya mengikut hukum faraid. Ini bertetapan dengan firman Allah dalam surah An-Nisaa ayat 11 :



Maksudnya :

“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan ..”

(Surah An-Nisaa’ ayat: 11)